



kumpulan axiata

SIARAN BERITA

PENGUMUMAN SENARAI PENDEK CALON AIM18

14 September 2011, Kuala Lumpur - Lima calon terbaik untuk setiap kategori yang dipertandingkan di edisi ke-18 Anugerah Industri Muzik (AIM18) diumumkan hari ini oleh Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM).

Sejumlah 75 calon yang disenaraipendekkan telah diumumkan, setelah melalui proses penghakiman yang diaudit oleh Ernst & Young. Dengan pengurangan jumlah kategori anugerah dari 29 tahun lepas ke 19 tahun ini, jumlah keseluruhan pencalonan mengalami sedikit penurunan ke 811 berbanding dengan 927 tahun lepas.

“Walaupun kategori berkurangan, jumlah pencalonan AIM tahun ini masih amat menggalakkan dan mengemukakan cabaran baru untuk para hakim,” kata **En Rosmin Hashim, Pengerusi Bersama, Jawatankuasa Penganjur AIM18**. Beliau turut mengulas lebih lanjut bahawa proses penghakiman dijalankan oleh Persatuan Akademi Industri Muzik Malaysia (PAIMM) yang menyelia sebuah panel pakar bebas dari industri hiburan.

Disamping mengumumkan lima calon terbaik untuk setiap kategori, beliau juga mengatakan bahawa nama-nama hakim yang terlibat dalam penghakiman kesemua nominasi AIM 18 akan turut disiarkan untuk pengetahuan umum. Datuk Ramli MS, antara penyusun muzik terulung di rantau ini, akan meneruskan peranan beliau sebagai Ketua Hakim AIM seperti tahun lepas.

Berikutan keputusan sebulat suara panel hakim, kategori Lagu Hip Hop Terbaik dimansuhkan tahun ini kerana kekurangan penyertaan yang menepati kriteria, membawa kepada pengurangan jumlah keseluruhan kategori dari 19 ke 18.

“Memandangkan bagaimana muzik telah menjadi amat penting kepada pengguna telefon bimbit, Celcom memperkenalkan sebuah kategori baru yang dikenali sebagai “**Mobile Artiste of the Year Award**” untuk memberi pengiktirafan kepada artis yang mendapat jumlah muat turun mobil tertinggi, termasuk pembaharuan, untuk Call Me Tones,” kata **En Zalman Afendy Zainal Abidin**, Ketua Pegawai Pemasaran, Celcom Axiata Berhad.

“Pelanggan Celcom juga berpeluang mengambil bahagian dalam acara gilang-gemilang AIM. Dengan hanya menyertai kempen ‘**Be A Star at AIM18**’ kami, mereka berpeluang memenangi ‘pengalaman seumur hidup’ dan duduk di sebelah artis kegemaran mereka semasa pertunjukan anugerah. Bermula hari ini, semua pelanggan hanya perlu menaip *888# dari telefon bimbit mereka dan memuat turun mana-mana kandungan eksklusif yang berkaitan AIM seperti Call Me Tones, Full Songs, True Tones, X Tunes, muzik video dan wallpaper. Bukan itu sahaja, kesemua ini dan kandungan yang menarik boleh didapati di sebuah portal bergerak WAP baru, The Cube, yang akan dilancarkan esok,” tambah beliau.

The Cube merupakan portal mobil dan komuniti, kini eksklusif untuk semua pelanggan Celcom. Pelanggan boleh mengakses pelbagai kandungan menarik dan tawaran Celcom melalui The Cube melalui telefon bimbit mereka dan mana-mana peralatan berkaitan, sama ada komputer riba, tablet atau komputer desktop. Portal WAP bergerak mengintegrasikan perkhidmatan rangkaian sosial seperti Facebook dan Twitter, dan juga menyediakan kemudahan e-mel dengan Gmail, Yahoo!, MSN and Nokia Ovi. Pelanggan boleh menikmati portal bergerak The Cube melalui <http://m.thecube.my> atau pada skrin yang lebih besar melalui laman web The Cube www.thecube.my.

Tahun ini Celcom, selaku penaja utama AIM18, mencetuskan jelajah promosi ke tempat-tempat terpilih. Jelajah promosi ini akan membariskan persembahan artis yang terdiri daripada calon AIM18. Kesemuanya akan memberi persembahan secara langsung di semua lokasi jelajah promosi ini.

Tambahan pula, tawaran istimewa dan aktiviti berkaitan dengan AIM18 serta peluang memenangi pas percuma untuk menyaksikan persembahan langsung AIM18 pada 12 November 2011 di Stadium Putra menunggu pelawat di jelajah promosi ini.

Maklumat tentang jelajah promosi tersebut adalah tertera di bawah:

No	Lokasi	Tarikh
1	Kuantan Parade, Pahang	1 - 2 Oktober 2011
2	Plaza Alam Sentral, Shah Alam	8 - 9 Oktober 2011
3	Kluang Mall, Johor	22 - 23 Oktober 2011
4	AEON Jusco AU2, Kuala Lumpur	4 - 6 November 2011

Jadi cepatlah tetapkan waktu dalam diari anda untuk peluang melihat artis kegemaran anda beraksi secara langsung serta peluang menyertai sesi Meet & Greet di jelajah promosi ini!

Rancangan Promosi

“Astro Ria amat bangga menjadi rakan media untuk acara berprestij seperti Anugerah Industri Muzik (AIM18). Untuk menghangatkan lagi suasana menghala ke **AIM18**, Astro Ria akan turut mengudarakan rancangan eksklusif **Gerbang AIM** and **Akustik AIM**. Selain itu, kita juga akan menyiarkan **SECARA LANGSUNG AIM18** ke rumah anda bermula dengan siaran langsung ‘Blue Carpet’ dari Stadium Putra, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Jangan ketinggalan menyaksikan rancangan hebat ini,” kata **En Khairul Anwar Salleh, Naib Presiden, Perniagaan Melayu Astro.**

Untuk menambahkan lagi debaran penonton untuk AIM18, penyiar televisyen rasmi ASTRO Ria (Channel 104), juga akan mengudarakan dua episod Akustik AIM, yang akan memperlihatkan persembahan akustik lagu-lagu yang tercalon untuk AIM 18.

Sebagai penyiar radio rasmi, ERA akan menyediakan liputan radio dan juruacara untuk jelajah promosi AIM manakala ASTRO Ria (Channel 104) juga akan mengudarakan Gerbang AIM, yang merupakan tayangan secara langsung jelajah promosi AIM di Plaza Alam Sentral.

AIM 18 akan diadakan pada hari **Sabtu, 12 November 2011 di Stadium Putra, Bukit Jalil, Kuala Lumpur**, bermula dengan siaran langsung 'Blue Carpet' di 8.30 malam diikuti dengan siaran langsung AIM18 pada pukul 9.00 malam, eksklusif di Astro Ria (Channel 104).

Sila rujuk kepada lampiran untuk senarai lengkap calon-calon terpilih dan senarai panel hakim, serta siaran berita bertarih 28 Jun 2011 yang menyenaraikan kesemua kategori AIM 18.

Untuk maklumat lebih tentang RIM, sila rujuk ke laman web www.rim.org.my. Untuk maklumat mengenai AIM, sila rujuk ke laman web <http://aim.org.my>.

###

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Mr. Rosmin Hashim, Pengerusi Bersama, Jawatankuasa Penganjur AIM18
Tel: 012-2092694, Emel: rosminhashim@yahoo.com

Mr. Adrian Lim, Pengerusi Bersama, Jawatankuasa Penganjur AIM18
Tel: 012-2391149, Emel: adrian.lim@sonymusic.com



an axiata company

MEDIA RELEASE

FINAL FIVE AIM18 NOMINEES REVEALED

14 September 2011, Kuala Lumpur - The top five contenders in each category for the 18th edition of the country's premier music awards show, 'Anugerah Industri Muzik' (AIM), were revealed today by the Recording Industry Association of Malaysia (RIM).

A total of 75 shortlisted nominees were announced, with the judging process audited by Ernst & Young. With the reduction of award categories from 29 to 19 this year, the total number of nominations received dropped slightly to 811 compared to 927 last year.

"Despite having less award categories, the high number of AIM nominations this year is very encouraging and also posed welcome challenges for the judges," said **En Rosmin Hashim, RIM AIM 18 Organising Co-Chairman**, who further informed that the judging process was conducted by Persatuan Akademi Industri Muzik Malaysia (PAIMM), overseeing a panel of independent expert judges from across the entertainment industry.

He also released the names of the judges who had judged AIM 18 submissions and announced the Final Five nominations. It is confirmed that Datuk Ramli MS, one of the most accomplished music arrangers in the region, will be continuing his role of over the past 2 years as Chief Judge of AIM.

Following the unanimous decision of the expert panel of judges, the Best Hip Hop Song category has been omitted this year as the submissions did not meet the requisite criteria, thereby reducing the total number of categories to 18.

“In view of how important music has become to mobile phone users, Celcom is introducing a new category known as the **Mobile Artiste of the Year Award** to give recognition to the artiste with the highest number of mobile downloads, including renewals, for Call Me Tones,” said **En Zalman Aefendy Zainal Abidin, Chief Marketing Officer of Celcom Axiata Berhad.**

“Celcom customers can also be part of the AIM glitzy music event. Just join our **Be A Star at AIM18** campaign to stand a chance to win ‘an experience of a lifetime’ and be seated next to your favourite artiste during the award show. Starting today, all customers need to do is type *888# from their mobile phones and download any exclusive AIM-related content such as Call Me Tones, Full Songs, True Tones, X Tunes, music videos and wallpapers. That’s not all, all of these and more exciting content will be available on a brand new WAP mobile portal, **The Cube**, that will be launched tomorrow,” he added.

The Cube is a one stop mobile and community portal, currently exclusive to all Celcom customers. Customers will be able to access incredible content and Celcom offerings via The Cube on their mobile phones and any connected device, be it a laptop, tablet or desktop. The mobile WAP portal integrates social networking services such as Facebook and Twitter, and also provides email convenience with Gmail, Yahoo!, MSN and Nokia Ovi. Customers can experience The Cube mobile portal via <http://m.thecube.my> or on a larger screen via The Cube website www.thecube.my.

This year Celcom, the title sponsor of the AIM18, is igniting a series of roadshows. The roadshows will feature a great lineup of artistes comprising the AIM18 nominees. All of whom will be performing live at the respective venues!

Additionally, special offerings and activities related to AIM18 plus the chance to win free passes to catch the AIM18 live on 12 November 2011 are awaiting visitors to the roadshows.

Details of the roadshows as per below:

No	Venue	Dates
1	Kuantan Parade, Pahang	1 - 2 October 2011
2	Plaza Alam Sentral, Shah Alam	8 - 9 October 2011
3	Kluang Mall, Johor	22 - 23 October 2011
4	AEON Jusco AU2, Kuala Lumpur	4 - 6 November 2011

So hurry up, block your diary to catch your favourite artiste live in action and stand a chance to join the Meet & Greet session at the above venues!

Promotional Shows

“In supporting this event, Astro Ria is proud to be the media partner for the prestigious Anugerah Industri Muzik (AIM18). Leading up to the awards show of AIM18, Astro Ria will be showcasing the exclusive Gerbang AIM and Akustik AIM. Besides that, we will also be bringing the AIM18 Award Show LIVE into your homes starting with the LIVE telecast of ‘Blue Carpet’ right before the LIVE telecast of AIM18 from Putra Stadium, Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Stay tuned to these great shows,” said Mr. Khairul Anwar Salleh, Vice President of Astro Malay Business.

In the lead up to the awards night, the official television broadcaster, ASTRO Ria (Channel 104), will also be airing two episodes of Akustik AIM, a showcase of acoustic performances of nominated AIM 18 songs.

As the official radio broadcaster, ERA will be providing radio coverage and emcees for the AIM roadshows whilst ASTRO Ria (Channel 104) will also air Gerbang AIM, a live showcase of the roadshow at Plaza Alam Sentral.

The AIM 18 awards show itself will be held on Saturday, 12 November 2011 at Putra Stadium, Bukit Jalil, Kuala Lumpur with the LIVE telecast of 'Blue Carpet' at 8.30pm right before the LIVE telecast of AIM18 at 9.00pm exclusively on Astro Ria (Channel 104).

Kindly refer to the attachments for the complete list of Final Five nominees and judges, and the previous media release of 28 June 2011 listing all the AIM 18 award categories.

For more information on RIM and its activities, please log on to www.rim.org.my. For AIM, kindly log on to <http://aim.org.my>.

###

For more information, please contact:

Mr. Rosmin Hashim, the RIM AIM 18 Organising Co-Chairman
Tel No: 012-2092694, Email: rosminhashim@yahoo.com

Mr. Adrian Lim, RIM AIM 18 Organising Co-Chairman
Tel No: 012-2391149, Email: adrian.lim@sonymusic.com